


CENTRE FOR ADVANCEMENT & CONTINUING EDUCATION

ENHANCING YOUR BUSINESS PERFORMANCE



HRDF
Claimable



UniKL
UNIVERSITI
KUALA LUMPUR

ACE
UNIVERSITI KUALA LUMPUR
ADVANCEMENT AND
CONTINUING EDUCATION



Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission



KURSUS SISTEM SOLAR FOTOVOLTA TERSAMBUNG GRID UNTUK PENJAGA JENTERA ELEKTRIK DAN PENDAWAI

BY ENERGY COMPETENCY UNIT, ADVANCEMENT & CONTINUING EDUCATION
UNIVERSITI KUALA LUMPUR BRITISH MALAYSIAN INSTITUTE (UNIKL BMI)

SINOPSIS

Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL BMI) telah bekerjasama dengan Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia) yang merupakan agensi pelaksana dalam pembangunan tenaga boleh baharu (TBB). Salah satu fungsi SEDA Malaysia adalah melaksanakan program-program kompetensi TBB bagi memenuhi keperluan pembangunan pesat industri TBB di masa akan datang. SEDA Malaysia juga komited dalam membangunkan kapasiti dalam pemasangan Solar fotovolt (PV) bagi memastikan kualitinya terjamin. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memberikan pendedahan kepada para Pendawai dan Penjaga Jentera Elektrik berhubung pemasangan sistem Solar PV yang berkait rapat dengan arus terus (DC). Menyedari tentang keperluan ini, SEDA Malaysia dengan kerjasama beberapa institusi pendidikan dan industri Solar PV di Malaysia telah membangunkan Kursus Sistem Solar PV Tersambung Grid bagi Penjaga Jentera Elektrik dan Pendawai.

Program latihan yang ditawarkan bagi Kursus Sistem Solar PV Tersambung Grid untuk Penjaga Jentera atau Pendawai adalah merangkumi:

- Teknologi Sistem Solar PV Tersambung Grid termasuk modul Solar PV, inverter dan peralatan yang berkaitan;
- Kaedah pemasangan dan penyelenggaraan pemasangan Solar PV yang perlu dititikberatkan oleh Penjaga Jentera Elektrik atau Pendawai.

Kursus ini adalah berdasarkan kepada silibus buku Sistem Solar Fotovolt Tersambung Grid untuk Penjaga Jentera Elektrik dan Pendawai. Peserta akan dinilai melalui:

- Melibatkan diri secara aktif dalam latihan teori dan amali yang dijalankan sepanjang kursus selama lima (5) hari
- Menyiapkan tugas dan latihan yang perlu diserahkan apabila diminta oleh Tenaga Pengajar

SYARAT LULUS KURSUS :

Bagi membolehkan calon diiktiraf lulus Kursus Latihan Sistem Solar PV Tersambung Grid untuk Penjaga Jentera atau Pendawai, calon dikehendaki lulus dalam kedua-dua peperiksaan teori dan praktikal. Pecahan markah bagi peperiksaan teori dan praktikal adalah seperti berikut:

■ TEORI

Peperiksaan teori ialah peperiksaan bertulis yang merangkumi apa yang telah dipelajari oleh calon sepanjang kursus. Markah lulus bagi peperiksaan teori ialah 70%.

■ PRAKTIKAL

Penilaian ini adalah berdasarkan kepada kemahiran secara praktikal yang dipelajari semasa kursus. Calon akan dinilai berdasarkan kepada kemahiran-kemahiran ini dan keputusan bagi peperiksaan praktikal ini ialah samada LULUS atau GAGAL. Calon hendaklah memenuhi kriteria minimum yang telah ditetapkan oleh penilai untuk lulus dalam peperiksaan ini merangkumi:

- Pemasangan Sistem Solar PV
- Operasi dan Senggaraan Sistem Solar PV

SYARAT KEMASUKAN

Pra-syarat untuk peserta:


- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Kompetensi PW2 untuk pendawai atau Penjaga Jentera Elektrik minimum AD

BAYARAN KURSUS

Bayaran kursus ini adalah sebanyak **RM 2,400.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Empat Ratus Sahaja)**. Semua peserta hendaklah menghantar Salinan slip pembayaran atau cek (bersama-sama dengan bank-in slip) sebagai bukti pembayaran kepada penganjur kursus. Sijil Kompetensi bagi peserta yang lulus hanya akan dikeluarkan setelah bayaran yuran dijelaskan.

BAGAIMANA KURSUS INI DILAKSANAKAN?

Tarikh kursus akan dipaparkan di laman web SEDA Malaysia (www.seda.gov.my). Peserta yang berminat untuk menghadiri kursus ini hendaklah mengisi borang pendaftaran dengan lengkap dan menghantar borang tersebut kepada UniKL BMi yang menganjurkan kursus melalui faks atau emel (sila rujuk Borang Pendaftaran). Seterusnya peserta akan diberitahu oleh penganjur kursus sekiranya berjaya di dalam permohonan tersebut. Tarikh kursus akan diumumkan apabila jumlah peserta yang menyertai sesi kursus tersebut telah mencukupi. Peserta dikehendaki membuat pembayaran yuran untuk mengesahkan penyertaan (yuran ini termasuk makan dan minum).



KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

CENTRE FOR ADVANCEMENT & CONTINUING EDUCATION (ACE UniKL)

UNIVERSITI KUALA LUMPUR BRITISH MALAYSIAN INSTITUTE

Batu 8, Jalan Sungai Pusu

53100 Gombak, Selangor Darul Ehsan



(603) 6184 1000
ext: (254, 184)



(603) 6186 4040

FOLLOW US FOR MORE INFORMATION



www.unikl.edu.my/institutes/bmi



ACE UNIKL BMI



zulazmi@unikl.edu.my / shahri@unikl.edu.my /
norazlina@unikl.edu.my

SEBUAH ANAK SYARIKAH MILIK:



UniKL
UNIVERSITI
KUALA LUMPUR